

Yadim anjur program untuk bakal mahasiswa

KUALA LUMPUR - Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) menjemput semua pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) 2014 untuk hadir ke program Jejak Menara 2015 yang akan diadakan secara *roadshow* di 14 negeri seluruh negara dengan kerjasama institusi pengajian tinggi tempatan bermula 28 Februari ini sehingga 4 April 2015.

Program yang diadakan secara percuma ini, bertemakan Menjejak Peribadi Mencetus Inspirasi dan bertujuan mendedahkan peserta tentang laluan pendidikan tinggi selepas tamat persekolahan, memberi motivasi keperluan peserta dalam penglibatan dakwah serta perkongsian pengalaman tentang realiti kehidupan sebagai mahasiswa supaya mereka bijak memilih jurusan dan membentuk kerjaya yang bersesuaian dengan mereka.

Peserta akan diberi pendedahan dengan cabaran yang bakal mereka tempuhi bagi mengelakkan kejutan budaya dan fikiran.

Selain itu, pengisian program Jejak Menara 2015 ialah sesi penerangan prospektus kursus dan kerjaya pihak universiti, sesi motivasi bersama Ikon Dakwah Yadim dan sesi perkongsian pengalaman bersama Sahabat Yadim yang merupakan penuntut IPT tempatan.

Antara lokasi program Jejak Menara 2015 adalah di Dewan Utama, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kelantan (28 Feb), Dewan Gimnasium, Universiti Sultan Zainal Abidin (1 Mac), Universiti Teknologi

Malaysia, Skudai, Johor (7 Mac), Dewan Seri Iskandar, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Perak (15 Mac), Dewan Bukit Kachi, Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah (17 Mac), Dewan Unimas (Kampus Timur), Sarawak (21 Mac) dan Auditorium Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur (21 Mac).

Selain itu, program ini akan diadakan di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Arau, Perlis (21 Mac), Grand Hall, International Islamic University Malaysia (IIUM), Kuantan (25 Mac), Dewan Bendahara UiTM, Alor Gajah, Melaka (28 Mac), Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan (28 Mac), Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (28 Mac), Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), UKM, Bangi, Selangor (1 April) dan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (4 April).

Untuk pendaftaran Jejak Menara 2015, sila SMS/ WhatsApp JM<jarak>NEGERI<jarak>NAMA<jarak>NO MYKAD<jarak>FB hantar ke 013-3205860. Untuk pertanyaan sila hubungi talian 03-22820278, maklumat lanjut layari Facebook Jejak Menara Yadim.

Program Jejak Menara 2015 ini turut menampilkan selebriti yang juga Ikon Dakwah Yadim seperti Yatt Hamzah, Heliza Helmi, Diana Amir, Salima Habibi (AF Musim 4), Farah Deeba (TV AlHijrah), Amin Idris (TV AlHijrah), Fadzli Aziz (TV AlHijrah), Suffian Amrin (kumpulan nasyid Saujana & DJ Radio IKIM), Nabil Ahmad (kumpulan Fareast) dan ramai lagi.